

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

KAWASAN : PONTIAN

SOALAN :

YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan pelebaran jalan dari Bandar Pontian ke Pekan Tampok dan membina laluan motosikal dari Benut ke tol Simpang Renggam. Nyatakan kos yang terlibat dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil maklum cadangan pelebaran jalan dari Bandar Pontian ke Pekan Tampok dan membina laluan motosikal dari Benut ke tol Simpang Renggam. Oleh yang demikian, Kementerian ini mencadangkan agar permohonan menaiktaraf jalan dan membina lorong motosikal tersebut dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan oleh Kementerian ini di dalam permohonan projek baharu *Rolling Plan* yang akan datang sekiranya projek ini tersenarai dalam projek keutamaan negeri dan memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf kelak.

Sekian, terima kasih.